



TEKS UCAPAN

YB. DATO' SERI KONG CHO HA

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA,

**SEMPENA MAJLIS SESI DIALOG YB. MENTERI PENGANGKUTAN
BERSAMA PENGUSAHA LORI CAMERON HIGHLANDS**

**HOTEL ROSA PASSADENA
CAMERON HIGHLANDS**

14 NOVEMBER 2011

Terima kasih kepada

YBhg. Datoq Solah Mat Hassan
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

Selaku moderator pada acara hari ini,

YBrs. En. Lau Sai Hoong
Pengerusi
Persatuan Tuan Empunya Kenderaan Sayur-sayuran
Cameron Highlands

En. Lee Peng Fo
Pengerusi
Pertubuhan Pengusaha Bunga-bunga
Cameron Highlands

En. Teow Chiang Hoay

Pengerusi
Pertubuhan Pekebun Sayur
Cameron Highlands
YBhg. Datoq Syed Abdul Rahman Bin Syed Abdul Rashid
Pengerusi
Persatuan Pekebun-Pekebun Melayu
Cameron Highlands

En. P. Viswanathan
Pengerusi
Persatuan Pekebun Kecil India
Cameron Highlands

YBhg. Datoq Datoq Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran YBhg. Datoq Datoq tuan-tuan dan puan-puan ke majlis dialog bersama pengusaha lori Cameron Highlands. Majlis seperti ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk memahami isu-isu berkaitan dan mendekatkan diri dengan pengusaha-pengusaha kenderaan terutamanya kenderaan perdagangan barangan. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Pengangkutan Jalan di atas inisiatif menganjurkan majlis sebegini.

Saya percaya usaha-usaha seperti majlis ini dirancang setiap tahun dan ia merupakan satu langkah untuk mempertingkatkan keselamatan penggunaan kenderaan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya serta kematian akibat dari kemalangan jalan raya.

YBhg. Datoq Datoq Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Cameron Highlands merupakan kawasan tanah tinggi yang menjadi pengeluar hasil pertanian utama negara ini. Semakin hari dapat dilihat aktiviti pertanian semakin meningkat dan kawasan pertanian yang semakin meluas. Selain daripada itu, Cameron Highlands juga berjaya menjadi salah satu tempat tumpuan pelancong mungkin kerana cuaca tanah tinggi yang berjaya menarik minat pengunjung untuk terus berkunjung ke sini.

Namun demikian, jika dilihat bentuk geografi kawasan ini, jelas sekali pemanduan di sini merupakan antara salah satu cabaran yang dihadapi oleh penduduk tempatan terutamanya pengusaha-pengusaha pertanian. Ini adalah kerana keperluan untuk membawa hasil pertanian keluar dengan cepat untuk menjaga mutu hasil pertanian sama ada untuk pasaran Malaysia mahupun eksport. Kerajaan sedia maklum akan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dan sentiasa membantu bagi meringankan beban pengusaha.

YBhg. Datoq Datoq Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Sejak tahun 1987, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah meluluskan pengurangan kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM) / Cukai Jalan sebanyak 90% kepada kenderaan jip / pick up di Cameron Highlands dan kelulusan tersebut telah diperbaharui bagi setiap tempoh lima (5) tahun. Sehingga bulan Oktober 2011, sebanyak 2085 buah kenderaan jip / pick up telah menikmati insentif ini bagi tujuan membawa dan mengangkut hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, baja dan sebagainya.

Pengurangan ini adalah diharapkan akan membantu mengurangkan kos operasi pengusaha dan seterusnya fokus yang lebih diberikan kepada penyelenggaraan kenderaan bagi memastikan kenderaan sentiasa berada di dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi melayakkan pengusaha memperoleh insentif ini ialah:

- i) Pengusaha merupakan penduduk di Cameron Highlands
- ii) Mempunyai tanah di Cameron Highlands
- iii) Mendapat surat sokongan daripada Persatuan Petani Cameron Highlands

Di samping itu, terdapat syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan yang perlu dipatuhi bagi membolehkan permohonan pengurangan LKM / Cukai Jalan ini diproses. Mengambil kira aspek kemudahan kepada pengusaha, permohonan ini boleh dibuat di JPJ Perak iaitu JPJ Ipoh dan JPJ Tapah memandangkan lokasi pejabat JPJ tersebut adalah berdekatan dengan Cameron Highlands walaupun Cameron Highlands terletak dalam negeri Pahang.

Sehingga kini, jip / pick up ini semakin hari semakin dimamah usia dan menimbulkan kesukaran pemilik / pengusaha kenderaan untuk mendapatkan alat ganti, maka Kementerian telah bersetuju untuk memberi pengurangan kadar LKM / Cukai Jalan sebanyak 90% kepada lori-lori kecil dengan Berat Dan Muatan (BDM) tidak melebihi 5000kg sebanyak 350 buah.

Kementerian juga telah melanjutkan tempoh pengurangan kadar LKM sebanyak 90% bagi kenderaan yang mengangkut sayur-sayuran di Cameron Highlands untuk tempoh lima (5) tahun sehingga 31 Disember 2016.

Dengan adanya insentif seperti ini, diharapkan pengusaha akan mengambil peluang ini untuk menggantikan kenderaan lama yang tidak selamat digunakan kepada kenderaan yang baru.

Walaupun demikian, suka saya mengingatkan kepada semua pengusaha untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan terutamanya mematuhi kawasan operasi yang telah ditetapkan iaitu :-

1. 20 km dari sempadan Daerah Cameron Highlands berdekatan Blue Valley ke arah Lojing, Kelantan
2. 15 km dari sempadan Daerah Cameron Highlands (berhampiran Blue Valley) ke arah Simpang Pulai, Perak
3. 15 km dari sempadan Daerah Cameron Highlands ke arah Tapah, Perak.

Sempadan beroperasi yang ditetapkan ini adalah bagi memberi peluang kepada pengusaha untuk memungkah hasil pertanian sebelum dipasarkan.

Dengan keistimewaaan ini, Kerajaan berharap ia tidak disalahgunakan oleh pemilik / pengusaha di Cameron Highlands ini. Sekiranya didapati oleh pihak berkuasa terdapat pemilik / pengusaha yang melanggar syarat-syarat terutamanya sempadan kawasan operasi, maka kerajaan tidak teragak-agak untuk menarik semula insentif ini daripada semua kenderaan

barangan dengan Berat Dan Muatan (BDM) tidak melebihi 5000kg yang membawa dan mengangkut hasil pertanian di Cameron Highlands. Besar harapan saya supaya pihak persatuan / pemilik / pengusaha bersama-sama menjaga keistimewaan yang diberikan ini.

Dengan adanya insentif ini, tentunya pengusaha-pengusaha boleh membawa lebih hasil pertanian dalam satu-satu masa. Dalam masa yang sama, pemilik / pengusaha perlu menitik beratkan pemanduan berhemah dan mematuhi had muatan yang dibenarkan supaya tidak membahayakan pemandu kenderaan dan orang awam.

Selain itu juga, imej Cameron Highlands sebagai lokasi pelancongan dan pertanian hendaklah sentiasa dipelihara. Kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara memberi impak yang besar dari aspek ekonomi di Cameron Highlands. Sehubungan dengan itu, memandulah secara berhemah kerana pemanduan yang berbahaya boleh membawa kesan kepada diri, orang sekeliling dan membawa imej buruk kepada pelancong-pelancong yang datang.

Y.Bhg Datoq Datoq Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Baru-baru ini, pihak JPJ telah mengeluarkan satu garis panduan berkaitan pemasangan lapik besi dan lantai besi oleh kenderaan-kenderaan barangan. Untuk makluman, lapik besi adalah lapik besi/keluli/alumunium yang dipasang pada permukaan atas lantai kenderaan perdagangan yang sedia ada (biasanya lantai kayu). Kenderaan yang dipasang lapik besi perlu menghantar kenderaan untuk pemeriksaan bagi memastikan

pemasangan yang dibuat bertepatan dengan syarat teknikal yang ditetapkan. Manakala lantai besi pula adalah pemasangan lantai besi /keluli /aluminium pada keseluruhan ruang barangan kenderaan. Pemasangan jenis ini perlu dirujuk ke JPJ untuk tujuan mendapatkan kelulusan sebelum kenderaan diubahsuai.

Pemasangan lapik besi dan lantai besi seperti ini adalah dibenarkan dan telahpun dipraktikkan oleh pengusaha-pengusaha lori. Namun demikian, pengusaha lori perlu sedar bahawa penambahan kepada lapik ini memberikan kesan kepada pertambahan BDM kenderaan. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan undang-undang, pengusaha-pengusaha lori di Cameron Highlands ini dapat memastikan had BDM yang ditetapkan perlu mengambilkira berat lapik besi yang telah dipasang pada lantai ruangan barangan.

Y.Bhg Datoq Datoq Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selain dari perkara-perkara yang disebutkan tadi, seperti semua sedia maklum, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah ditubuhkan pada 3 Jun 2010 bagi mengambil alih fungsi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (ASPAD) 2010 telah diluluskan pada 31 Januari 2011. Pada masa peralihan tersebut, berlaku kekeliruan terhadap penguatkuasaan Akta tersebut menyebabkan penguatkuasaan keatas kenderaan perdagangan ditangguhkan buat seketika.

Walau bagaimanapun, melalui perbincangan yang diadakan diantara agensi-agensi berkaitan telah bersetuju bahawa JPJ masih mempunyai kuasa penguatkuasaan ke atas kesemua kesalahan sebagaimana sebelum berkuatkuasanya Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010. Kuasa ini termasuklah kuasa untuk mengadakan sekatan jalanraya, kuasa mengarah timbang, kuasa menyita kenderaan dan kuasa menangkap ulat.

Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap keselamatan pengguna jalan raya dan kenderaan-kenderaan yang digunakan termasuk kenderaan barangan. Mengikut statistik JPJ, pada tahun 2010 sebanyak 358,901 notis dan kompaun telah dikeluarkan kepada pemandu dan pemilik lori barangan dan hampir 70% dari kesalahan tersebut adalah disebabkan oleh kesalahan lebih muatan. Manakala untuk tahun 2011 sehingga Ogos sebanyak 111,773 notis dan kompaun telah dikeluarkan dan 62,000 daripadanya disebabkan oleh lebih muatan. Statistik yang dinyatakan ini adalah tinggi jika hendak dibandingkan dengan jumlah kenderaan perdagangan yang berada di atas jalan raya iaitu sebanyak 1.7 juta kenderaan.

Adalah diharapkan bahawa setiap persatuan mengambil berat terhadap undang-undang ini dan memastikan setiap peraturan dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan jalan raya selamat digunakan oleh semua golongan. Kejayaan yang dicapai harus juga diingat bukan hanya terletak dibahu pegawai penguatkuasa JPJ sahaja, malah pengusaha pengangkutan juga perlu memainkan peranan yang penting barulah dapat mewujudkan satu *team work* yang berkesan.

Sekian Terima Kasih.